



Nestlé®

Good food, Good life

### TERMA DAN SYARAT

#### A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

<b>1. <u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966] ["Penganjur"].
<b>2. <u>Promosi:</u></b>	PROGRAM PENEBUSAN NESTLÉ KOLEKSI RAYA – <u>PENEBUSAN WHATSAPP</u> ["Promosi"].
<b>3. <u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 mlm pada 08/04/2021 dan ditutup jam 23:59:59 pada 03/06/2021.
<b>4. <u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dengan dokumen pengenalan yang sah dan tempat tinggal yang beralamat di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
<b>5. <u>Premium Koleksi Raya &amp; Kaedah Penyertaan:</u></b>	<p>a. Terdapat dua [2] rekaan Set Makan Koleksi Raya yang terdiri daripada satu [1] Pinggan Makan dan satu [1] Mangkuk ["secara kolektif "Premium"] yang tersedia untuk penebusan untuk Promosi ini:</p> <p>i. Set A – hanya tersedia dalam Bulan 1: 08/04/2021 – 06/05/2021.</p> <p>ii. Set B – hanya tersedia dalam Bulan 2: 07/05/2021 – 03/06/2021.</p> <p>b. Kaedah penyertaan Promosi adalah melalui WhatsApp. Semua penyertaan WhatsApp yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur. Semua kaedah penyerahan lain termasuk pos, perkhidmatan kurier atau POS Laju akan dibatalkan.</p> <p>c. Semua penyertaan WhatsApp yang diterima akan dikira melalui nombor telefon bimbit Peserta dari mana penyertaan WhatsApp dihantar. Setiap Peserta mesti mengambil bahagian menggunakan nombor telefon bimbit yang sama sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>d. Peserta hanya boleh menebus empat [4] Premium sepanjang setiap Bulan dan maksima lapan [8] Premium sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<b>6. <u>Kaedah Penyertaan WhatsApp:</u></b>	<p>a. Untuk menyertai Promosi, beli minima Ringgit Malaysia Lapan Puluh [RM80] mana-mana produk NESTLÉ Sedia Untuk Diminum yang turut serta seperti yang ditunjukkan pada risalah Promosi ["Produk"] <u>SAMA ADA</u> dalam satu resit <u>ATAU</u> maksima tiga [3] resit terkumpul dari mana-mana kedai semasa Tempoh Promosi.</p> <p>i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem Point of Sale dan/atau e-invois untuk pembelian dalam talian. Bagi e-invois untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi, hanya jumlah pembayaran akhir sahaja akan diterima ["Resit"].</p>

- ii. Resit mesti mengandungi Produk yang dibeli, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo kedai di mana pembelian dibuat ["Butiran Resit"]. Jika tidak tertera, Resit mesti dicap dengan cap rasmi syarikat kedai di mana pembelian dibuat.
- b. Langkah-langkah penyertaan WhatsApp:
- i. Tulis di depan Resit nama penuh anda, nombor pengenalan dan alamat e-mel, jika ada ["Butiran Peribadi"].  
Contoh, tulis di atas Resit:  
*Amy Yong Mei Mei 950102148584*  
*amy.yong8584@gmail.com.my*
- ii. Tangkap satu [1] gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca ["Imej"], satu [1] Resit asal lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit.
- iii. Satu [1] Imej mesti mengandungi satu [1] gambar Resit sahaja.
- iv. Hantar Imej melalui WhatsApp dari nombor yang sama yang berdaftar di Malaysia ke **018-388 2129** ["Penyertaan"], satu [1] Imej pada satu masa.
- v. Penganjur AKAN auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima.
- c. Penganjur akan memproses semua Penyertaan yang diterima. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Resit yang dicetak semula dan/atau Resit yang berulang dan/atau Imej yang mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.
- d. Resit hanya boleh ditebus sekali sahaja dan tidak boleh digunakan semula bersama dengan penebusan segera dalam kedai yang diadakan oleh Penganjur yang berkaitan dengan promosi PROGRAM PENEBUSAN NESTLÉ KOLEKSI RAYA.
- e. Pada akhir setiap tempoh bulanan, Penganjur akan mengira semua Penyertaan yang diterima yang ditentukan oleh nombor telefon bimbit yang dihantar. Semua Penyertaan yang dihantar dari nombor telefon bimbit yang sama akan disusun kira dan dijumlahkan untuk menentukan jumlah kuantiti Premium yang layak ditebus sepanjang setiap tempoh bulanan.
- f. Penganjur akan menghantar mesej WhatsApp ke setiap nombor telefon bimbit yang layak untuk meminta alamat penghantaran penuh dan pengesahan Butiran Peribadi.
- g. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan Premium. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan Premium.

<b>7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b>	Semua penyertaan Promosi mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 mlm pada 03/06/2021. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
<b>8. <u>Premium:</u></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Premium akan dihantar ke alamat penghantaran tempatan yang diberikan oleh Peserta dalam tempoh 6 - 8 minggu selepas tarikh tutup Bulan 1: 06/05/2021 dan Bulan 2: 03/06/2021.</li> <li>b. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan jangka masa yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur akan berhati-hati dalam penghantaran Premium tetapi Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Hadiah yang dihantar ke Peserta tidak diterima, tertunda ataupun rosak. Semua Premium yang tidak dituntut akan dibatalkan.</li> <li>c. Sekiranya terdapat kecacatan atau berlakunya pecahan, Peserta mesti memulangkan Premium tersebut dalam pembungkusan asal tanpa kerosakan kepada Penganjur dengan menanggung sendiri kosnya untuk mendapatkan gantian dalam masa 2 minggu selepas penerimaan Premium tersebut, jika gagal Premium tersebut tidak akan diganti.</li> <li>d. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang Premium yang ditunjukkan pada risalah Promosi dengan Premium lain yang sama nilainya, bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.</li> </ul>
<b>9. <u>Terma Tambahan:</u></b>	a. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan Premium serta terma dan syarat yang disertakan bersama Premium, jika ada.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/rtd-koleksi-roya> secara kolektif "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini [selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda"].

Talian Percuma Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

## A. Syarat Penyertaan

### 1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua Peserta [dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur] yang menyertai Promosi ini

[selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”]. Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Premium, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat [sebagaimana yang diubah].
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

## **2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas [SMS], pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Promosi hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

## **3. Kelayakan A**

- 3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas [18] tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis [dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur], daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Promosi dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas [18] tahun.

#### **4. Kelayakan B**

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi:

- [a] Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka [suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka]; dan
- [b] Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Promosi dan ahlikeluarga terdekat mereka [suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka].

#### **5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

- [b] Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- [b] Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- [a] menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau
- [b] tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Premium diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Premium atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

#### **6. Premium**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Premium menurut ketetapan Tuntutan Premium/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Premium yang tidak dituntut.

- 6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana Premium dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Premium sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Premium hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Premium mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Premium.
- 6.5 Premium diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Premium hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Premium setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Premium hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Premium, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Premium.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi [secara kolektif dinamakan “Bahan”], dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Intelektual**

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 [“Kumpulan Nestlé Malaysia”], para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan [termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan] yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Premium, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat,

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Promosi, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Premium yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan [termasuk bahan pemasaran dan Promosi] berhubung dengan Promosi, khususnya yang berkaitan Premium, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan [menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.2 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).
- 12.1 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](http://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).